IDEA Masalah asas ekonomi | Faktor pengeluaran

1. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Malaysia dilanda 'cuaca panas'

Disebabkan El-Nino, cuaca di negara Malaysia semakin panas. Dijangkakan cuaca akan menjadi lebih panas pada masa hadapan. Pada masa kini, kebanyakan kawasan di Malaysia dilanda cuaca panas dan kering. Cuaca panas ini dijangka berlanjutan selama beberapa bulan. Menurut laporan berita, kawasan tertentu seperti Cuping, Perlis dan Alor Setar, Kedah mencatat suhu setinggi 38.5 darjah *celcius*.

(a) Bagaimanakah situasi ini memberi kesan terhadap aktiviti ekonomi negara?

(b) Bagaimanakah anda boleh menjadikannya sebagai peluang perniagaan?

2. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Lekor King jenama kian popular

Bagi pengasas Lekor King, Mohd Hakim Abu Bakar, idea untuk membuka perniagaan berasaskan keropok lekor ini tercetus daripada keinginannya untuk bergelar usahawan. Lekor King yang terkenal di Pantai Klebang, Melaka turut melakar kejayaan tersendiri apabila semakin mendapat sambutan untuk difrancaiskan.

Menurut Mohd Hakim, ia bermula dengan sebuah gerai di tepi jalan yang terletak di kawasan Kandang, Melaka pada tahun 2013. "Saya hanya bermodal RM400 pada masa itu, jualan sehari RM20 sahaja. Tapi saya tidak berputus asa kerana saya percaya mana-mana perniagaan pun tidak boleh mencapai keuntungan dalam masa singkat. Saya sempat berniaga di situ selama dua minggu dan kemudiannya bertukar kepada lokasi Pantai Klebang (Melaka). Siapa sangka, rezeki saya bermula di situ dan saban hari jualan Lekor King semakin bertambah serta mendapat keuntungan sebanyak empat angka dalam sehari," katanya yang tidak menafikan kejayaan Lekor King adalah disebabkan lokasi strategik yang menjadi tumpuan ramai.

Menurut Mohd Hakim, dia amat menitikberatkan kualiti produk makanannya dengan memilih keropok lekor dari Terengganu yang terkenal dengan keasliannya.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: Sinar Harian, 28 Februari 2016)

(a) Adakah anda bersetuju dengan keputusan Mohd Hakim untuk menjadi seorang usahawan? Berikan alasan anda.

(b) Mengapakah perniagaan ini dimulakan di Pantai Klebang, Melaka?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Permintaan | Penawaran | Keseimbangan Pasaran | Penentu Permintaan | Penentu Penawaran

1. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Taman Dapur di laman rumah

Ketidakstabilan harga komoditi getah dan kelapa sawit telah mendorong golongan peneroka melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti pertanian. Salah satu aktiviti yang dikenal sebagai projek *Edible Garden* atau Taman Dapur telah dilaksanakan bagi menggalakkan peneroka Felda menanam pelbagai jenis sayur-sayuran di halaman rumah. Ketua Kampung Felda Semenchu, Omar Dean, berkata bahawa projek tersebut merupakan salah satu langkah bagi menggalakkan para penduduk di kampung tersebut untuk hidup aktif dengan mengerjakan tanah-tanah di sekeliling rumah mereka.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.utusan.com.my)

(a) Adakah anda bersetuju bahawa aktiviti di atas memberi kesan terhadap pasaran sayur-sayuran? Berikan alasan anda.

(b) Jelaskan peranan pihak berikut dalam menjayakan program ini.
(i) Masyarakat
(ii) Penjual sayur-sayuran
(iii) Kerajaan

2. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Pengeluar minuman ringan disyor ganti gula

Syarikat pengeluar minuman ringan dicadangkan supaya menggunakan bahan pemanis alternatif bagi mengurangkan kadar pengambilan gula dalam kalangan pengguna. Timbalan Menteri Kesihatan berkata, produk seperti Stevia memiliki pemanis semula jadi sifar kalori dan tidak akan menjejaskan rasa produk minuman. Kementerian turut mencadangkan pengusaha mengurangkan isi padu produk mereka bagi mengelakkan pengambilan minuman ringan yang tinggi kalorinya secara berlebihan. Beliau berkata bahawa maklum balas yang diterima agak baik dan akan diteruskan bagi meningkatkan kesedaran pengusaha dalam mengeluarkan produk makanan berkhasiat. Berhubung langkah kementerian yang sedang mengkaji kemungkinan mengenakan cukai khusus terhadap minuman ringan yang mengandungi kandungan gula terlalu tinggi, beliau berkata perkara itu akan mengambil masa sebelum dimuktamadkan. Menteri Kesihatan berkata bahawa pendekatan itu merupakan strategi jangka panjang untuk mengurangkan pengambilan gula oleh rakyat negara ini. Beliau berkata, mekanisme terbaik pelaksanaan cadangan itu sedang dicari antaranya mengenakan cukai berasaskan kuantiti gula yang terdapat dalam sesuatu produk minuman.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.sinarharian.com.my)

(a) Jelaskan kesan terhadap syarikat pengeluar minuman ringan sekiranya semua saranan kerajaan dilaksanakan.

(b) Bagaimanakah kadar penggunaan gula yang tinggi membawa kesan terhadap ekonomi negara?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Pendapatan individu

1. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Tiga lebuh raya di Selangor penting untuk rakyat

KUALA LUMPUR: Kelulusan pembinaan tiga lebuh raya oleh kerajaan negeri Selangor adalah rasional demi kepentingan rakyat, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau berkata, kerajaan memang mengharapkan penambahan lebuh raya dalam negeri itu supaya menyelesaikan masalah kesesakan trafik yang tidak boleh lagi ditampung oleh lebuh raya yang sedia ada.

"Selain memanfaatkan ekonomi, ia juga akan memberikan manfaat besar kepada rakyat Selangor dan sekitarnya."

"Semasa KIDEX dibatalkan, kita terima banyak aduan bahawa lebuh raya seperti Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) sudah cukup sesak dan tahap perkhidmatannya memang sudah mencapai tahap maksimum," katanya kepada pemberita.

Justeru, katanya, rakyat termasuk rakyat Selangor memerlukan lebuh raya baharu untuk menyelesaikan masalah kesesakan trafik yang mereka hadapi pada masa kini.

Tiga projek lebuh raya di negeri tersebut ialah Projek Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE), Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) dan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE).

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.mstar.com.my)

(a) "Selain memanfaatkan ekonomi, ia juga akan memberikan manfaat besar kepada rakyat Selangor dan sekitarnya."
Jelaskan manfaat-manfaat tersebut.

(b) Mengapakah sesetengah pihak menentang projek pembinaan lebuh raya tersebut?

2. Kolej komuniti RTC Gopeng telah menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dengan yuran serendah RM5 hingga RM20 bagi setiap kursus. Antara kursus yang telah ditawarkan termasuk bahasa Arab, pemasangan komputer, pemasaran atas talian, pembuatan roti dan sebagainya.

Mengapakah kerajaan menggalakkan masyarakat mengikuti kursus sebegini?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Kos pengeluaran | Eksternaliti

1. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Usahawan disaran menggunakan e-dagang dalam perniagaan

Usahawan belia digalakkan untuk menggunakan platform e-dagang untuk mengembangkan perniagaan termasuk menembusi pasaran baharu. Penggunaan platform e-dagang akan mempercepatkan proses pemasaran produk dan perkhidmatan di pasaran antarabangsa berbanding dengan perniagaan konvensional.

Perkembangan dalam penggunaan e-dagang juga akan menyokong negara dalam mencapai sasaran sumbangan e-dagang. Pada masa kini, e-dagang hanya menyumbang sebanyak 5.8 peratus kepada KDNK di negara kita berbanding dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat dan China yang menyumbang 30 peratus dan 21 peratus kepada KDNK negara mereka masing-masing.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.sinarharian.com.my)

(a) Mengapakah firma e-dagang menanggung kos operasi yang lebih rendah berbanding dengan firma konvensional?

(b) Mengapakah sumbangan e-dagang kepada KDNK di negara Amerika Syarikat lebih tinggi berbanding dengan Malaysia?

(c) Mengapakah firma e-dagang mempunyai pasaran yang lebih luas berbanding dengan firma konvensional?

(d) Jelaskan masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh firma yang terlibat dalam aktiviti e-dagang.

2. Petikan di bawah berkaitan dengan satu projek di Johor.

Kompleks penapisan minyak dalam projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) milikan PETRONAS di Pengerang yang bernilai hampir RM60 bilion dijangka membawa kesan yang besar terhadap ekonomi negeri Johor, khususnya pantai timur Johor. Keluasan projek ini hampir 8 000 hektar dan mampu menapis minyak mentah sebanyak 300 000 tong dalam masa satu hari.

Jelaskan kos sosial dan faedah sosial daripada projek di atas kepada negeri Johor.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.